

# Abdullah tiba di Helsinki

Daripada ZAINI HASSAN

HELSINKI 9 Sept. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tiba di negara pengasas telefon tangan Nokia, Finland hari ini bagi menghadiri Sidang Kemuncak Ke-6 Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM6) forum ke arah memantapkan interaksi dan persefahaman bersama antara dua benua itu, bermula esok dan lusa.


Bertemakan 10 Tahun ASEM: Cabaran Global - Tindakan Bersama, ia akan menemukan dua tahun sekali para pemimpin 15 negara Kesatuan Eropah (EU) dan Suruhanjaya Eropah (EC) dengan 10 negara Asia Timur - yang penyertaannya sentiasa berkembang.

Perkembangan itu disebabkan faktor asas dinamisme ekonomi kedua-dua rantau itu, selain proses dialog dan kerjasama mengenai hal ehwal politik, sosial, kebudayaan dan soal-soal intelektualiti, yang menjadi rukun penubuhannya.

Yang menariknya, temanya tahun ini akan memberi peluang semua 39 anggota dan rakan ASEM bermuhasabah mengenai komitmen mereka setelah sedekad kewujudannya bagi mencari pendekatan untuk mengatasi pelbagai cabaran yang wujud dalam dunia yang cepat berubah ini.

Perbincangan kali ini akan banyak menekankan mengenai agenda antarabangsa.

Topik-topik yang akan disentuh termasuk menyokong sistem antarabangsa mengenai hubungan pelbagai hala (multilateralisme), membangkitkan soal ancaman keselamatan - merangkumi ancaman kesihatan global seperti virus selesema



MESYUARAT ASIA-EROPAH  
KEENAM (ASEM6)

burung, keselamatan tenaga, perubahan cuaca - selain soal ekonomi sejagat, dialog antara budaya dan pemupukan persefahaman.

Sepanjang dua hari sidang ini berlangsung, Abdullah mempunyai sesi pertemuan dan perbincangan cukup ketat termasuk akan menyampaikan ucapama mengenai soal hubungan antara agama dan Islam Hadhari, pengalaman yang berjaya menyatukan perpaduan kaum dan kepercayaan di negaranya, Malaysia.

Perdana Menteri dijangka menyampaikan ucapan itu semasa ASEM membincangkan mengenai topik berkaitan Dialog Antara Budaya dan Peradaban, Isnin ini.

Selain persidangan yang menyentuh hal ehwal pelbagai hala Asia-Eropah, pihak Asia juga akan mengambil kesempatan mengadakan pertemuan sesama mereka bagi membincangkan mengenai faedah dan rancangan masa depannya.

Abdullah dijangka menghadiri Mesyuarat Kemboja, Malaysia, Singapura, Thailand mengenai Rangkaian Kereta Api Singapura-Kunming, Ahad ini.

Beliau juga akan menghadiri Mesyuarat Pemimpin Asia, sebelum majlis pembukaan ASEM 6 pada sebelah petangnya.

UM - 10/9/2006

ASEM kali ini akan mengambil peluang selepas pembukaannya untuk membincangkan secara tertutup satu topik yang dianggap penting bertajuk "Pengukuhan Multilateralisme dan Ancaman Keselamatan."

Para pemimpin ASEM turut berbincang mengenai alam sekitar, keselamatan tenaga, globalisasi sebelum ditutup dengan satu perbincangan bertajuk Masa Depan ASEM.

Selain menghadiri persidangan itu, Perdana Menteri turut mengambil kesempatan mengadakan pertemuan dua hala dengan rakan-rakan dialog itu.

Ahad ini, Abdullah akan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Itali, Romano Prodi, Perdana Menteri Belanda, Jan Peter Balkenende dan mesyuarat empat mata dengan rakan sejawatannya dari Singapura, Lee Hsien Loong.

Isnin pula, beliau akan mengadakan lagi pertemuan dua hala dengan Perdana Menteri Belgium, Guy Verhofstadt dan Canselor Jerman, Angela Merkel.

Selepas menghadiri sidang kemuncak ini, Abdullah akan berlepas ke Cuba untuk lawatan kerjanya ke negara itu. Beliau akan menghadiri Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) Ke-14 dan Perdana Menteri akan menyerahkan tugasnya sebagai Pengerusi NAM kepada negara tuan rumah. Beliau kemudian akan berlepas ke New York bagi menghadiri Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

ASEM yang ditubuhkan pada sidang kemuncaknya yang pertama di Bangkok pada 1996 dianggotai 10 negara Asia, Brunei, China, Indo-



**ABDULLAH Ahmad Badawi yang berada di Finland untuk menghadiri Sidang Kemuncak Ke-6 ASEM mengunjungi presiden negara itu, Tarja Halonen di pejabatnya di Helsinki, semalam.**

nesia, Jepun, Korea Selatan, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam; 15 negara EU iaitu Austria, Belgium, Denmark, Finland, Perancis, Jerman, Greek, Ireland, Itali, Luxembourg, Belanda, Portugis, Sepanyol, Sweden dan United

Kingdom dan juga EC, selaku anggota bukan negara.

Forum antara rantau ini berasaskan tiga komponen tonggakunya iaitu dialog politik; keselamatan dan ekonomi; pendidikan dan budaya.

Selepas sidang kemuncak pembed-

tukan di Bangkok, kedua diadakan di London, ketiga Seoul, keempat Copenhagen, Sweden dan kelima di Hanoi, Vietnam. Sidang Kemuncak ASEM 6 boleh dilayari melalui [www.asem6.fi/](http://www.asem6.fi/).

- Mingguan